



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Tajaan Tenaga Nasional Berhad

KOTA BAHRU, 17 Mac 2022 – Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menerima tajaan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi penubuhan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan. Majlis disaksikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN bersama YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli pada Majlis Serahan Tajaan Tenaga Nasional Berhad Kepada YKN Bagi Penubuhan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan.

Anjung Kasih YKN merupakan rumah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya ahli keluarga yang kurang berkemampuan tetapi perlu mengiringi pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dengan berkonsepkan selesa, selamat dan berkualiti.

YKN telah mendapat sumbangan daripada TNB yang menjadi penaja bagi penubuhan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan dengan sumbangan sosial korporat berjumlah RM1.5 juta. Projek Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan dijangka akan memberikan manfaat kepada keluarga pesakit mulai Disember 2022. Keseluruhan jumlah sumbangan yang telah disumbangkan TNB kepada YKN berjumlah RM6.5 juta bagi tiga (3) buah penubuhan Anjung Kasih YKN (Hospital Serdang, Hospital Melaka dan Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan) dan program-program kebajikan di bawah YKN.

Seramai 80,574 waris pesakit telah mendapat manfaat dari 16 buah Anjung Kasih YKN di seluruh negara. Kerajaan sentiasa prihatin dan komited terhadap keperluan rakyat bagi menubuhkan Anjung Kasih YKN di hospital yang menjadi hospital rujukan kepada pesakit yang datang dari luar daerah. Waris pesakit yang mengiringi pesakit yang mendapatkan rawatan kini tidak perlu berulang alik dari rumah atau menginap di hotel dengan kadar sewa yang agak tinggi.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan kepada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA** seperti berikut :

ALLIANCE ISLAMIC BANK
160140010004801

MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD
568621012284

Turut hadir YBrs Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, YBrs Encik Ahmad Hushairi Ibrahim, Chief Global Business Solution Officer TNB, dan YBhg Dato' Dr. Hajah Selasawati Haji Ghazali, Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.
No. Telefon : 03 – 8323 2451 / 03-8323 2420
Tarikh dikeluarkan : 17 Mac 2022

ANJUNG KASIH YKN

1. Hospital Selayang Selangor
2. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang
3. Hospital Miri, Sarawak
4. Hospital Umum Kuching Sarawak
5. Hospital Tuanku Jaáfar Seremban Negeri Sembilan
6. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang
7. Hospital Sibu Sarawak
8. Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh Perak
9. Hospital Serdang Selangor
10. Hospital Pulau Pinang
11. Hospital Tuanku Fauziah Kangar Perlis
12. Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar Kedah
13. Hospital Melaka
14. Hospital Duchess of Kent Sandakan Sabah
15. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Johor
16. Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang